



TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

SEMPENA

**MAJLIS INTERAKSI BERSAMA PESERTA-PESERTA
KURSUS DIPLOMA PENGURUSAN AWAM (DPA)
BIL. 1/2014 (IKWAS)**

17 MAC 2014 (ISNIN), 9.30 MALAM

DEWAN JEMERLANG, IKWAS

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakuh,
Salam Transformasi dan Salam “1Malaysia: Rakyat
Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Dato’ Seri Zainal Rahim bin
Seman**

**Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(Operasi)**

**Yang Berbahagia Dato’ Dr. Mazlan Yusoff
Pengarah INTAN**

**Yang Berbahagia Dato’ Yeow Chin Kiong
Pengarah Bahagian Pascaperkhidmatan**

**Yang Berbahagia Dato’ Haji Norzam Bin Mohd Nor
Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi**

**Yang Mulia Datuk Raja Noor Zaedah Binti Raja
Ahmad**

Pengarah Bahagian Saraan

**Yang Berbahagia Dato' Mohtar Bin Mohd Abd.
Rahman**

Pengarah Bahagian Perkhidmatan

Yang Berusaha Encik Abdul Ghani Bin Botok

Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat

Yang Berusaha Dr. Mohd Bakhari Bin Ismail

**Ketua Kluster Kepimpinan dan Pembangunan
Eksekutif, INTAN**

Saudara Nazrun bin Salleh

Penghulu Kursus Diploma Pengurusan Awam

Bilangan 1/2014 Siri 45 (IKWAS)

Pegawai-pegawai JPA dan INTAN

Saudara dan Saudari peserta Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) Bilangan 1/2014 Siri 45 (IKWAS) yang saya kasihi sekalian.

Saya mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, maka kita dapat bertemu dalam Majlis Interaksi Bersama Peserta-peserta Kursus Diploma Pengurusan Awam Bilangan 1/2014 Siri 45 (IKWAS).

2. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak INTAN kerana telah mengaturkan pertemuan khas saya dengan para peserta Kursus DPA di IKWAS pada malam ini. Pertemuan kita pada malam ini begitu bermakna kerana inilah kali pertama saya bertemu dengan Saudara dan Saudari di INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) setelah saya turun padang untuk

bertemu rakan Saudara dan Saudari di INTAN Kampus Wilayah Utara atau INTURA tempoh hari.

Hadirin sekalian,

3. Negara kita pada masa kini sedang mengalami keadaan cuaca yang panas, kemarau serta berjerebu. Pada minggu lalu sehingga ke hari ini, beberapa kawasan di pantai barat Semenanjung Malaysia telah mencatatkan kadar Indeks Pencemaran Udara yang tinggi di tahap berbahaya melebihi paras 300. Saya berharap agar Saudara dan Saudari sentiasa menjaga kesihatan masing-masing dan rakan-rakan seperjuangan. Amalkan meminum air dengan lebih banyak serta amalkan pemakanan yang seimbang agar dapat mengharungi perjalanan kursus dengan sempurna.

4. Saya juga ingin mengajak Saudara dan Saudari untuk terus mendoakan kesejahteraan penumpang

dan anak kapal MH 370 serta ahli keluarga mereka supaya tabah menghadapi situasi sukar seperti ini. Mungkin ada dalam kalangan Saudara dan Saudari yang mempunyai pertalian dengan keluarga penumpang dan sebagainya. Insiden tragik yang kini menjadi tumpuan dunia sejak seminggu telah menunjukkan betapa kita semua prihatin dan bersatu padu tanpa mengira agama, bangsa dan budaya untuk sama-sama mendoakan yang terbaik.

Saudari dan Saudari,

5. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Saudara dan Saudari yang telah terpilih untuk mengikuti Kursus DPA selama 33 minggu yang bermula pada 23 Februari hingga 25 September 2014 secara sepenuh masa di IKWAS. Selamat datang ke sebuah program bersejarah penuh keunggulan bagi seorang

pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Kata orang-orang lama, DPA ini adalah permulaan sebenar bagi PTD. Melalui DPAlah, Saudara dan Saudari akan mencipta jaringan baharu yang lebih besar dengan rakan-rakan daripada pelbagai kementerian dan jabatan.

PERKHIDMATAN AWAM DI PENTAS DUNIA: SATU PERBANDINGAN

Saudara dan Saudari yang saya kasihi sekalian,

6. Perkhidmatan Awam di Malaysia telah melalui evolusi dan perubahan yang monumental dalam lipatan sejarah negara. Bermula dengan kedatangan British pada abad ke-18 yang telah membawa kepada penubuhan Penang Civil Service pada tahun 1786, kemudiannya Straits Settlement Civil Service diperkenalkan pada tahun 1826

sehinggalah pengenalan Malay Civil Service pada tahun 1929, Perkhidmatan Awam tidak lekang diuji dengan pelbagai cabaran yang menerjah.

7. Hari ini, negara kita Malaysia bukan lagi sebuah negara yang kecil. 56 tahun dahulu penduduk Malaysia hanyalah 5 juta dan purata pendapatan kita hanya RM800 seorang setahun. Tidak ada lebuh raya, bekalan elektrik dan air, tidak ada sekolah, klinik dan hospital. Tidak ada cukup peluang bekerja, tanah untuk bercucuk tanam.

8. Sekarang penduduk Malaysia berjumlah lebih 28 juta orang. Kemudahan infrastruktur yang kita ada hampir sama dengan negara maju yang lain. Jika dahulu pada tahun 1957, gaji penjawat awam yang terendah ialah RM25 dan yang tertinggi ialah RM1,950, kini gaji yang terendah sudah lebih RM1,000 dan lebih ramai penjawat awam yang

menikmati pendapatan yang jauh lebih selesa berbanding dahulu. Ini bermakna, penjawat awam kita pada hari ini telah melalui revolusi yang hebat walaupun kepimpinan negara saling bertukar tangan.

9. Malah, pada hari ini juga, rakyat Malaysia bukan sahaja mampu mendaki Everest, berjalan atas salji ke Kutub Utara, berenang dalam lautan yang sejuk, belayar mengelilingi dunia malah mereka juga mampu membekalkan dunia dengan barangan buatan yang canggih, membina bangunan dan jalan-jalan moden di negara sendiri dan negara asing, mencari gali dan mengeluarkan minyak di seluruh dunia, hingga berupaya menjuarai kejohanan badminton di England beberapa kali. Kita boleh melakukannya. Malaysia Boleh. Dan kita boleh menjadi negara maju menjelang tahun 2020, In Shaa Allah.

PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK: MENERJANG BADAI

Saudara dan Saudari sekalian,

10. Perkhidmatan Awam dan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik tidak dapat dipisahkan. Ia begitu sinonim bagi aur dan tebing; bagi isi dan kuku. Sejak zaman Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Hj. Abdul Aziz bin Hj. Majid, anak watan pertama yang menjadi Ketua Setiausaha Negara sehinggalah sekarang, Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik atau PTD tidak pernah gagal untuk melahirkan pemimpin Perkhidmatan Awam yang hebat dan berkarisma.

11. Namun hari ini, cabarannya menjadi lebih getir. Sudah ada suara-suara yang mencabar kewibawaan PTD. Ada yang menganggap PTD itu tidak layak untuk mentadbir sesebuah organisasi.

Ada yang mengkritik bahawa skim-skim lain juga boleh memimpin Perkhidmatan Awam dengan lebih baik. Sudah pastilah, di era baharu di mana generasi Saudara dan Saudari muncul sebagai pemain utama di pentas nasional dan global nanti, kompetensi dan prestasi akan menjadi pengukuran utama.

12. Tugas Saudara dan Saudari tidak mudah. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Dalam ruang dan kesempatan yang ada ini, rebutlah segala peluang yang boleh untuk memantapkan pelbagai kemahiran yang seharusnya PTD Muda miliki. Jangan sempitkan pemikiran dengan hanya pandai dalam bidang yang kita minati sahaja, sebaliknya lihatlah dari mata burung seluas-luasnya dengan meneliti kemahiran-kemahiran baharu yang boleh dipelajari.

13. Untuk ini penguasaan bahasa Inggeris menjadi amat kritikal. Tetapi ini tidak bermakna kita ingin membelakangkan bahasa kita, bahasa Melayu, bahasa kebangsaan. Kata bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad, “Bahasa kita tidak akan dapat dimajukan jika kita kekal sebagai bangsa yang mundur. Hanya bangsa yang maju sahaja yang akan dapat mengembangkan bahasanya.

14. Pada zaman dahulu, orang Arab adalah bangsa yang gagah, maju dan memiliki ilmu-ilmu yang penting seperti hisab, falak, sains, pelayaran dan sebagainya, selain daripada agama. Sesiapa yang ingin mempelajari ilmu-ilmu yang diterokai oleh orang Arab terpaksa mempelajari bahasa Arab. Tetapi hari ini bahasa ilmu ialah bahasa Inggeris. Maka setiap pegawai PTD Muda hendaklah sekurang-kurangnya mampu memahami cara dan arahan bekerja dalam bahasa Inggeris.

Saudara dan Saudari yang saya kasihi sekalian,

15. Kursus DPA yang Saudara dan Saudari lalui ini bertujuan untuk melahirkan pemimpin PTD unggul yang mantap daripada aspek Sikap (Attitude), Kemahiran (Skills), Ilmu Pengetahuan (Knowledge), Kebolehsesuaian (Adaptability) dan Ketahanan (Resilience). Oleh yang demikian, kursus ini dilengkapi dengan pelbagai modul di dalam dan luar kampus selaras dengan hasrat untuk melahirkan PTD yang berwibawa dan akhirnya mampu melonjakkan imej Perkhidmatan Awam Malaysia menjadi lebih gemilang dan berprestasi tinggi.

16. Sehubungan dengan itu, saya berharap Saudara dan Saudari selaku PTD Muda dapat melihat apa yang berlaku di sekeliling kita dan sentiasa peka kepada keadaan semasa. Seperti yang sering dikatakan oleh YAB Dato' Sri Mohd

Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysi, “business is not as usual as before” dan perubahan dalam Perkhidmatan Awam perlu dilaksanakan mengikut keperluan semasa.

17. Tambahan pula, pada masa kini, rakyat sebagai pelanggan utama dalam Perkhidmatan Awam sentiasa mengharapkan kualiti yang tinggi dalam setiap perkhidmatan yang diberikan oleh kita. Perkhidmatan yang diberikan bukan untuk kepuasan diri sebaliknya untuk memastikan rakyat mendapat yang terbaik.

KAEDAH KEPIMPINAN

18. Pada masa kini, penjawat awam bertindak sebagai change agent atau pemacu perubahan dalam jentera pentadbiran negara. Dalam konteks Merakyatkan Perkhidmatan Awam, penjawat awam adalah thinkers, planners dan implementers bagi

menjayakan agenda Perkhidmatan Awam dan perlu sentiasa bersedia memberikan yang terbaik bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang kian meningkat.

19. Daniel Goleman menulis ‘Leadership That Get Results’ dalam Harvard Business Review menyatakan bahawa terdapat 6 kaedah kepimpinan yang boleh diteladani oleh pemimpin muda iaitu:

i. Affiliative Leaders

Affiliative Leaders merupakan pemimpin yang suka mencipta suasana persaudaraan, muhibah dan mesra. Gaya ini menghasilkan kepuasan bekerja dan prestasi yang tinggi di samping mencipta keharmonian di kalangan anggota kumpulan kerja.

ii. Democratic Leaders

Democratic Leaders mengutamakan kata sepakat dengan melibatkan kakitangannya apabila membuat keputusan. Cara ini banyak menimbulkan suasana positif. Ia bukan sahaja menggalakkan kakitangan bawahan untuk turut menyumbang malahan mampu mencipta kemuafakatan.

iii. Coaching Leaders

Coaching Leaders pula suka membangunkan manusia untuk masa hadapan. Cara ini jarang digunakan namun sangat signifikan kerana mampu mendorong kakitangan yang dipantau mencungkil bakat masing-masing. Dalam jangka masa panjang, corak

kepemimpinan sebegini akan dapat membangunkan sesebuah organisasi.

iv. Pacesetting Leaders

Pacesetting Leaders merupakan pegawai yang mahukan kakitangannya pandai berfikir sendiri dan membuat yang terbaik.

v. Coercive Leader

Coercive Leader pula sangat mementingkan pematuhan segera.

vi. Authoritative Leader

Authoritative Leader akan menggerakkan kakitangannya dalam mencapai sesuatu visi.

20. Sebagai pemimpin generasi muda yang berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuklah menghadapi jurang generasi, Saudara dan Saudari perlu bijak untuk memilih kaedah kepimpinan yang terbaik. Ini bagi memastikan kepimpinan Saudara dan Saudari akan membawa jentera Perkhidmatan Awam ke tahap yang lebih baik daripada sekarang.

INTEGRITI

Saudara dan Saudari yang saya kasihi sekalian,

21. Integriti merupakan elemen yang harus diberi perhatian. Ia perlu disemai dalam diri masing-masing bermula dari sekarang iaitu semasa Saudara dan Saudari masih lagi hijau dalam Perkhidmatan Awam. Integriti sentiasa menjadi faktor utama ke atas kegemilangan atau kejatuhan sesebuah organisasi. Sejarah telah membuktikan

bagaimana tamadun besar dunia seperti Empayar Byzantine di Rome, Dinasti Moghul di India dan Kerajaan Islam Bani Abassiyah jatuh rebah disebabkan integriti. Begitu juga tumbangannya empayar besar Melaka di tangan tentera Portugal pada tahun 1511 yang disebabkan tiadanya integriti di kalangan para pembesar Melaka yang saling bercakaran dan berebut kuasa hingga membawa kepada penjajahan Melaka dan seterusnya Malaysia selama 499 tahun lamanya.

22. Selaku bakal pemimpin negara pada masa depan, Saudara dan Saudari bukan sahaja perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kelayakan akademik yang mencukupi, malah perlu sentiasa mengamalkan budi pekerti yang luhur dan tahap budi bahasa yang tinggi.

ASPIRASI DAN HARAPAN

Saudara dan Saudari yang saya kasihi sekalian,

23. Kursus DPA ini bertujuan untuk membangunkan pemimpin Sektor Awam pada masa hadapan. Saya percaya Kursus DPA ini telah berjaya memberi peluang kepada Saudara dan Saudari semua untuk mengasah bakat dan meningkatkan kompetensi sebagai PTD yang hebat dan berkebolehan tinggi.

24. Namun begitu, besarlah harapan agar pegawai-pegawai muda memiliki nilai-nilai kemanusiaan yang kukuh, berhemah tinggi, berbudaya dan berdisiplin serta mengamalkan budaya kerja cemerlang dan kerjasama berpasukan yang berkesan.

25. Harus diingat Saudara dan Saudari di hadapan saya ini adalah penyambung kepada sebuah warisan Perkhidmatan Awam yang gemilang. Usaha mentransformasikan Perkhidmatan Awam kini bukan terletak di bahu saya semata-mata bahkan adalah tanggungjawab kita bersama.

PENUTUP

26. Akhir sekali saya berharap supaya latihan dan proses pembelajaran semasa mengikuti Kursus DPA ini dapat diharungi dengan jayanya. Mengambil kesempatan pada hari yang bersejarah ini, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Pengarah IKWAS dan pegawai-pegawainya serta pegawai-pegawai Sub Kluster Pembangunan Modal Insan yang dengan penuh dedikasi telah dan akan terus melatih, mendidik

dan membentuk PTD Muda melalui Kursus DPA ini yang akan menjadi Kursus DPA yang terakhir.

27. Harapan serta pesanan saya buat Saudara dan Saudari ialah teruskan kesinambungan usaha pemantapan Perkhidmatan Awam kerana anda semua adalah penyambung sebuah warisan perkhidmatan yang gemilang.

28. Saya akhiri amanat saya pada malam ini dengan satu ungkapan yang begitu bermakna daripada Thomas Edison:

“Many of life's failures are people who did not realise how close they were to success when they gave up”.

**Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.**